

PROGRAM
'DAY OUT WITH CEO 2018'

TEKS UCAPAN
YANG BERTHORMAT TUAN HAJI MOHD ANUAR
BIN MOHD TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

12 NOVEMBER 2018
THE CASUARINA @ MERU, IPOH PERAK,
DARUL RIDZUAN

Terima kasih saudara / saudari pengacara majlis.



Kata Aluan

1. Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha
Ketua Pengarah Kerja Raya
Merangkap Ahli Lembaga LLM
2. Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak Bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya Malaysia
3. Yang Berhormat Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
4. Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Merangkap Penaung Jawatankuasa Penganjur Program 'Day Out
with CEO' 2018
5. Yang Berbahagia Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

6. Yang Berusaha En. Sazally bin Saidi
Yang Dipertua Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya
Malaysia (PSKLM)

8. Dif-dif kehormat, Pegawai-pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua
eksekutif syarikat konsesi, para penceramah, rakan-rakan media,
tuan-tuan dan puan-puan para peserta yang dihormati sekalian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Pertama sekali, saya amat berbangga dan ingin melahirkan rasa terima kasih kepada jawatankuasa penganjur di atas jemputan ini yang mana kita semua dapat bersama-sama berkumpul di Ipoh, Perak untuk program yang dinamakan '**DAY OUT WITH CEO 2018**'.
2. Sesungguhnya, saya amat teruja bersama-sama hadirin sekalian untuk terlibat dan turut serta dalam program sebegini. Ini adalah suatu inisiatif agar kerjasama erat terus terjalin antara pihak kerajaan dan sektor swasta, serta diperkasakan lagi untuk memastikan semua sektor di bawah Kementerian Kerja Raya termasuklah industri lebuhraya akan kekal berkembang seiring dengan kehendak dan hala tuju negara.
3. Saya difahamkan untuk edisi kali ini, pihak penganjur telah menumpukan kepada topik yang lebih luas berbanding tahun-tahun terdahulu di mana tema yang dipilih adalah '**TOMORROW: THE INSIGHT OF TOLL HIGHWAY INDUSTRY**'.

PROGRAM "DAY OUT WITH CEO"

YBhg.Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Program "**Day Out with CEO**" adalah satu platform untuk Kementerian Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta syarikat-syarikat konsesi mewujudkan peluang dan ruang bagi membincangkan isu-isu semasa dalam industri serta membuat

rumusan dalam menjamin kelangsungan kemajuan industri lebuhraya khususnya, seterusnya buat kemajuan negara secara amnya.

5. Saya difahamkan bahawa program ini telah masuk ke tahun yang ke-5 penganjurannya dan ianya terus mantap di mana topik-topik perbincangan di dalam seminar semakin dinamik dengan tidak mengeneipkan isu-isu yang terkini. Untuk program '**DAY OUT WITH CEO 2018**' kali ini, saya difahamkan bahawa pihak jawatankuasa telah menyediakan senarai pembentangan yang menarik buat semua hadirin yang menyertai program ini. Pembentangan kali ini akan lebih menjurus kepada perspektif berkenaan industri lebuhraya dari pemain-pemain di luar industry, dan bukan hanya pendapat atau pandangan dari dalam sahaja. Dengan cara ini, kita akan mendapat '*input*' yang mungkin berbeza dan bernilai untuk sama-sama kita jadikan panduan dalam membawa industri ini ke peringkat yang lebih cemerlang di masa akan datang.

6. Kita harus sedar bahawa adalah sangat penting '*business model*' industri lebuhraya sentiasa ditambah baik dan diberi nafas baharu untuk tujuan pihak kerajaan membuat keputusan '*win-win situation*' yang melibatkan semua pihak yang terlibat seperti kerajaan, syarikat konsesi, pelabur-pelabur serta tidak ketinggalan pengguna atau rakyat secara keseluruhannya.

HASRAT KERAJAAN MALAYSIA BAHARU

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kita amat menyambut baik kejutan yang dilakukan oleh rakyat Malaysia, yang telah membuat keputusan besar dan penting dengan menukar pucuk pimpinan kerajaan di negara ini. Banyak isu-isu yang telah dan akan dinilai semula serta atas dasar tersebut juga, akan ada perubahan-perubahan yang sudah tentunya melibatkan jentera kerajaan termasuklah perubahan-perubahan terhadap hala tuju serta keutamaan kepada sesuatu projek yang berada di dalam kawalan kementerian. Pendekatan yang diguna pakai juga mungkin berbeza berbanding dahulu. Walau bagaimanapun, adalah menjadi iltizam di pihak kementerian untuk memastikan bahawa segala perkara ataupun pendekatan terbaik yang sedia ada akan tetap diteruskan dan sebarang kekurangan atau pun “*loophole*” yang dikenalpasti akan diperbaiki dan ditambah baik demi kebaikan semua pihak, yang merupakan “*stakeholders*” kepada kementerian ini.

8. Kita sedia maklum bahawa, Kementerian Kerja Raya sangatlah sinonim dengan satu perkataan popular sejak dahulu lagi iaitu “**tol**”. Perkataan ini menjadi sensitif, dan isu yang hangat diperkatakan oleh setiap orang samada mereka pengguna lebuh raya tol ataupun sebaliknya. Walaupun perkataan ini dilihat sebagai amat ringkas dan pendek, tetapi isi kandung, pendekatan serta model perniagaan di sebaliknya adalah merupakan sesuatu yang sangat kompleks yang melibatkan jumlah wang pelaburan yang sangat besar serta penglibatan ramai pihak.

10. Apabila disebut tentang wang pelaburan sesuatu lebuhraya, maka akan terlintaslah difikiran kita bahawa ianya tentulah merupakan jumlah wang yang sangat besar. Tidak mungkin sejumlah wang yang besar ini dapat diterbitkan tanpa menggunakan instrumen-instrumen kewangan tertentu seperti penglibatan dalam ekuiti, pinjaman bank, terbitan bon, sukuk dan sebagainya. Instrumen-instrumen ini pula akan melibatkan sejumlah faedah dan pulangan yang harus dikembalikan kepada pihak peminjam/pembiaya sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian kewangan masing-masing.

11. Saya difahamkan berdasarkan maklumat sebahagian daripada syarikat konsesi, setiap satu ringgit (RM 1) daripada hasil kutipan tol yang diterima, 90% daripadanya akan digunakan untuk menampung bayaran balik pinjaman komersil, kos operasi dan penyelenggaraan lebuhraya. Kesemua perkara ini hanyalah sebahagian daripada cabang-cabang model perniagaan industri lebuhraya dan ianya turut menjadi sebahagian daripada kerangka perjanjian yang lebih utama iaitu perjanjian konsesi lebuhraya penswastaaan di negara ini.

Hadirin yang di hormati sekalian,

12. Kita, sebagai pihak yang berada di dalam sistem ini, mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk menerangkan kepada masyarakat berkenaan isu tol, agar sedikit sebanyak ianya akan

memberikan kefahaman kepada mereka. Dalam masa yang sama, kita haruslah terus berusaha agar mutu perkhidmatan, operasi dan penyelenggaraan setiap lebuhraya di bawah tanggungjawab kita kekal efisien agar ruang untuk sebarang rungutan terhadapnya akan berada di paras yang rendah dan jika boleh tiada langsung. Pendekatan yang dilaksanakan haruslah juga mengambil kira faktor efisiensi kosnya, agar pihak konsesi akan kekal cekap dan cermat dalam menguruskan sesuatu lebuhraya tersebut. Kita faham, bahawa konsesi merupakan pihak peniaga yang sudah semestinya ingin membuat keuntungan, tetapi biarlah ianya dilihat sebagai suatu perniagaan yang berhemah, bertanggungjawab serta adil buat semua pihak lebih-lebih lagi kepada pengguna lebuhraya.

ASPIRASI RAKYAT

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Saya sedar, terdapat tuntutan oleh segelintir rakyat supaya kerajaan baharu Malaysia memansuhkan kutipan tol di lebuhraya seluruh negara. Isu ini banyak diperbahaskan di Parlimen samada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara. Kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan kewangan yang sangat besar untuk menghapuskan tol. Setelah membuat penelitian dan kajian,

kerajaan telah memutuskan kutipan tol di lebuhraya pada masa ini perlu diteruskan sehinggalah keadaan ekonomi negara pulih dan stabil semula.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Kerajaan Malaysia baharu juga amat menyedari akan aspirasi rakyat terhadap perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan lebuhraya tol di negara ini. Walaupun kutipan tol masih belum dapat dimansuhkan, kerajaan amat prihatin akan beban kos sara hidup yang perlu ditanggung oleh rakyat. Justeru, kerajaan sentiasa mencari jalan untuk membantu rakyat, antara cadangannya ialah memberi diskaun kepada pengguna di luar waktu puncak dan meneruskan diskaun atau rebat tol di musim-musim perayaan besar, serta melaksanakan pelbagai program kesetiaan pengguna yang boleh memberi manfaat kepada mereka.

15. Di kesempatan ini, saya juga menyeru kepada semua syarikat konsesi lebuhraya untuk berfikir di luar kotak dan sama-sama mencari kaedah serta penyelesaian terbaik bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat yang saban hari kian

meningkat. Setiap sen yang dikutip oleh pihak konsesi hendaklah benar-benar boleh dipertanggungjawabkan untuk memastikan lebuhraya sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan memuaskan hati seluruh rakyat.

Hadirin sekalian,

16. Dalam masa yang sama, saya juga menyeru supaya rakyat amnya dan pengguna lebuhraya khususnya menyedari bahawa untuk mewujudkan lebuhraya yang moden, sofistikated dan efisien, pelaburan yang terpaksa diperuntukkan bukanlah kecil. Justeru, kita perlu menyedari bahawa lebuhraya adalah satu laluan alternatif kepada pengguna dan sekiranya pengguna tidak mahu memperuntukkan sejumlah wang bagi membayar tol, mereka masih boleh menggunakan laluan sedia ada sebagai jaringan perjalanan untuk menuju ke destinasi mereka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

17. Tidak dapat dinafikan, dengan adanya jaringan lebuhraya tol, ianya telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi negara Malaysia dengan lebih pantas dan membangunkan kawasan-kawasan di

sekitar jaringannya, di samping menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan sesebuah bandar baharu. Kewujudan bandar atau kawasan baharu ini pula telah berjaya menyediakan ruang perniagaan dan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan luas kepada penduduk sekitar khasnya serta rakyat Malaysia amnya.

18. Kerajaan juga berharap akan lebih banyak peluang perniagaan akan dapat diteroka apabila siapnya lebuh raya-lebuh raya baharu yang kini di dalam pembinaan seperti Lebuh raya Pantai Barat (Taiping-Banting), Lebuh raya Setiawangsa Pantai (SPE), Lebuh raya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuh raya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), Lebuh raya Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuh raya Putrajaya-KLIA (MEX 2). Sehingga kini terdapat 29 buah lebuh raya tol yang sedang beroperasi merangkumi jajaran keseluruhan sepanjang 1,981 km dan sebanyak 6 buah lebuh raya masih di peringkat pembinaan dengan jajaran sepanjang 369 km.

HADIRIN SEKALIAN

19. Saya juga mengharapkan agar menerusi platform yang ada ini, pelbagai bentuk inovasi produk dan pendekatan dapat dibentang dan dibincangkan lebih-lebih lagi perihal keselamatan di lebuh raya di bawah tadbir urus kita semua. Berdasarkan statistik kemalangan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), sepanjang tahun 2017 sahaja, jumlah kemalangan yang direkodkan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 533,875 kes, melibatkan 6,740 kematian. Ini memperlihatkan peningkatan jumlah kemalangan sebanyak hampir 3% daripada tahun sebelumnya (2016) yang mencatatkan 521,466 kemalangan dengan 7,152 kematian. Sejak 10 tahun yang lepas, lebih daripada 6,000 kematian direkodkan setiap tahun dan ini menunjukkan bahawa kadar kematian di jalan raya adalah lebih daripada 18 orang setiap hari. Suatu laporan statistik yang sangat membimbangkan.

20. Alangkah baiknya sekiranya kita turut menemukan suatu kaedah dan inovasi yang membolehkan kita memperbaiki keadaan yang membimbangkan ini, di samping kita tumpukan kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

21. Selain itu, saya difahamkan dalam usaha kerajaan untuk menambahbaik pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya, LLM dengan kerjasama syarikat konsesi lebuhraya telah melangkah setapak lagi dengan menggunakan pelbagai peralatan yang lebih sofistikated dan canggih seperti “*dron*” yang berupaya menggantikan tenaga manusia untuk memantau kerja-kerja berkaitan pembinaan dan pembangunan lebuhraya. Usaha ini tidak lain adalah bagi mempertingkatkan kualiti pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya bagi memastikan keselamatan, kecekapan dan keselesaan pengguna sentiasa menjadi agenda utama Kementerian Kerja Raya Malaysia. Untuk itu, syabas diucapkan dan saya berharap supaya pada masa akan datang akan lebih banyak inovasi dan penemuan yang baharu dapat digunakapakai untuk memastikan kita dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pihak.

22. Saya juga mengambil maklum LLM sebagai agensi kawalselia kerajaan di bawah Kementerian Kerja Raya telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan ‘*score rating*’ yang menjadi elemen pengukuran pencapaian prestasi berdasarkan aspek pengurusan dan operasi lebuhraya secara menyeluruh termasuk


penyelenggaraan dan ketahanan struktur aset lebuhraya (*durability*). '*Rating*' ini bertujuan untuk menyuntik semangat daya saing yang sihat di kalangan syarikat konsesi lebuhraya demi menyampaikan perkhidmatan yang cekap, selamat dan selesa sepanjang pemanduan pengguna dilebuhraya bertol di Malaysia. Penganugerahan kepada syarikat konsesi yang mempunyai '*score*' tertinggi telah pun diadakan pada majlis jamuan malam tadi. Tahniah saya ucapkan kepada syarikat konsesi yang berjaya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

23. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembentang-pembentang yang telah datang dari pihak kerajaan, DOSH, USM, MIMOS, PLUS, TOUCH 'N GO dan beberapa agensi lain yang sudi untuk berkongsi pengalaman serta ilmu dengan semua peserta yang hadir.

24. Marilah sama-sama kita menggunakan segala peluang dan ruang yang ada untuk melakukan penambahbaikan yang berterusan ke arah kebaikan industri lebuhraya. Besarlah harapan saya agar semua yang hadir akan menerima manfaat daripada program yang

telah diadakan ini dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus di dalam menjayakan program pada kali ini.

Maka, dengan sukacitanya serta lafaz  saya merasmikan program “Day Out with CEO’ bagi tahun 2018”.

Sekian. Terima kasih.

وَسَّلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ